

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 19

RUANGAN : NASIONAL



Nor Azimi meninjau premis makanan ketika Operasi Mega Bersepadu Perundangan Kesihatan Awam di sekitar daerah Kuantan, semalam.

(Foto Farizul Hafiz Awang/BH)

3 premis makanan kotor diarah tutup

Kuantan: Tiga premis makanan di Indera Mahkota, di sini, diarah tutup kerana tidak mengamalkan kebersihan termasuk dikesan mempunyai bangkai dan najis tikus.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Pahang, Datuk Nor Azimi Yunus, berkata tindakan penutupan dibuat mengikut Seksyen 11 Akta Makanan 1985 bagi tujuan menjalankan kerja pembersihan.

"Banyak yang kita temui dalam operasi ini sebenarnya dan jika masyarakat peka dengan perkara

ini, mereka mungkin tidak makan di premis ini.

"Kita menemui najis, bangkai dan tempat pembiakan tikus. Ada juga peti sejuk yang tidak berfungsi sebaiknya, selain mangkuk sumbing dan retak digunakan.

"Berikutan itu, kita mengeluarkan arahan penutupan selama 14 hari bermula hari ini (semalam) dengan lapan kompaun dikeluarkan ke atas tiga premis itu atas pelbagai kesalahan," katanya pada sidang media selepas mengetuai Operasi Mega Bersepadu Perunda-

ngan Kesihatan Awam di semalam.

Operasi dua hari bermula semalam membabitkan 135 anggota penguat kuasa JKN Pahang, Pejabat Kesihatan Daerah dan Sektor Inspektorat dan perundangan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Dalam operasi itu juga, beliau berkata 19 kompaun dikeluarkan terhadap individu yang merokok di kawasan larangan seperti di premis makanan mengikut Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 5
 RUANGAN : NEGARA

Pengambilan dos penggalak kedua semakin meningkat

PUTRAJAYA – Trend pengambilan dos penggalak kedua di seluruh fasiliti kesihatan menunjukkan peningkatan sejak dua minggu lalu, sekali gus menterjemahkan kesedaran rakyat berhubung keperluan mengambil suntikan itu.

Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustapa berkata, berbanding 1 Januari lalu, pengambilan dos penggalak pertama meningkat daripada 49.8 peratus atau 16,279,746 dos kepada 49.9 peratus iaitu sebanyak 16,292,524 dos.

Katanya, dos penggalak kedua juga menyaksikan peningkatan iaitu sebanyak 2.2 peratus atau 733,668 dos berbanding 1.9 peratus atau 633,941 sebelum ini.

"Pengambilan dos penggalak kedua di Sarawak juga meningkat kepada 76,369 dos pada 17 Januari 2023 berbanding 56,462 pada 1 Januari lalu.

"Peningkatan sebanyak 35 peratus itu berlaku dalam tempoh 17 hari. Secara purata, jumlah pengambilan dos penggalak kedua di Sarawak meningkat 20 kali ganda iaitu sebanyak 2,085 dos sehari berbanding 101 dos pada 31 Disember 2022," katanya dalam kenyataan semalam.

Katanya, Kementerian Kesihatan (KKM) ingin menasihati individu yang belum menerima



KESEDARAN untuk mengambil dos penggalak kedua vaksin Covid-19 semakin meningkat dalam kalangan rakyat. – GAMBAR HIASAN

dos primer vaksin dan dos penggalak vaksin Covid-19 agar segera mendaftar dan mendapatkannya.

Dalam perkembangan lain, katanya, KKM memaklumkan bahawa kes Covid-19 di Malaysia masih kekal di bawah 500 sehari walaupun sejak pembukaan sempadan China 8 Januari 2023.

Menurutnya, pelaporan kes harian Covid-19 juga kekal dengan angka tiga digit sejak 17 Disember 2022.

"Berdasarkan laporan, se-

jumlah 28,705 pengembara dari China dilaporkan tiba di Malaysia sejak 8 Januari 2023 hingga 17 Januari 2023.

"Setakat ini, hanya seorang daripada pengembara tersebut dikesan mengalami demam semasa saringan.

"Bagaimanapun, ujian RTK-Ag yang dijalankan ke atas pengembara tersebut adalah negatif. Tada pengembara dari China yang dikesan positif Covid-19 di pintu masuk antarabangsa negara setakat ini," katanya.



VAKSIN Covid-19 Comirnaty keluaran Pfizer yang diberikan kepada rakyat negara ini. – GAMBAR HIASAN

Jangka hayat vaksin Comirnaty dilanjutkan

PUTRAJAYA – Kementerian Kesihatan (KKM) memaklumkan, Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) meluluskan permohonan variasi daripada syarikat Pfizer (Malaysia) Sdn. Bhd. berhubung pengemaskinian tempoh jangka hayat produk bagi vaksin Covid-19 iaitu *Comirnaty Concentrate for Dispersion for Injection*.

Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi KKM, Norhaliza A. Halim berkata, pelanjutan tempoh jangka hayat produk itu diberikan berdasarkan data stabiliti terkini dikemukakan pengilang.

Menurutnya, ia melibatkan vaksin vaksin Covid-19 *Comirnaty Concentrate for Dispersion for Injection (MAL21016022AZ)* yang dikilangkan di Pfizer Manufacturing Belgium NV serta *Comirnaty Concentrate for Dispersion for Injection (MAL21036039ASZ)*.

Katanya, jangka hayat baharu bagi vaksin terbabit adalah daripada 15 kepada 18 bulan bagi vial vaksin yang disimpan pada suhu -90°C hingga -60°C.

"Kelulusan pelanjutan jangka hayat terpakai kepada semua stok termasuk yang diterima sebelum variasi pelanjutan tempoh jangka hayat diluluskan.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 16
 RUANGAN : NEGARA

Jabatan Kesihatan mengeluarkan RM27,500 kompaun 9 premis di Melaka jual barang tamat tempoh

PETALING JAYA – Jabatan Kesihatan Negeri Melaka (JKNM) mengeluarkan sembilan kompaun berjumlah RM27,500 ke atas premis-premis jualan di sekitar negeri atas kesalahan yang dikenakan di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985 sepanjang 8 Januari hingga semalam.

Pemantauan Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan JKNM menerusi Ops Tahun Baru Cina (OPS TBC) 2023 itu, mengesan pelbagai kesalahan yang tidak mematuhi Akta Makanan 1983 termasuk penjualan makanan melepasi tarikh luput.

Pengarah JKNM, Datuk Dr. Rusdi Abd. Rahman berkata, sebanyak 30 buah premis pasar raya, kedai runcit dan pasar mini telah diperiksa bermula 8 hingga 19 Januari lalu sepanjang operasi. "Sebanyak 450 makanan bernilai RM2,381 dirampas atas pelbagai kesalahan, termasuk keadaan bungkusan, pelabelan serta barangan melepasi tarikh luput dan sembilan kompaun bernilai RM27,500 telah dikeluarkan.

"Sepanjang tahun lalu, 5,057 jenis barangan yang menyalahi Akta Makanan 1983 telah disita bernilai RM157,461 dan sebanyak 53 kompaun telah dikeluarkan bernilai RM157,000," jelasnya.

Selain itu tambahnua, pemeriksaan kebersihan premis makanan turut dilakukan di sekitar negeri itu.

"Sehingga 19 Januari 2023, sebanyak 83 buah premis makanan iaitu restoren, gerai dan kedai makan telah diperiksa, manakala



ANGGOTA Jabatan Kesihatan Negeri Melaka ketika sedang melakukan pemeriksaan menerusi Ops Tahun Baharu Cina 2023 baru-baru ini.

97 kompaun bernilai RM26,650 telah dikeluarkan.

"Ia berdasarkan kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009, antaranya disebabkan makanan ditempatkan atau diletakkan di atas lantai, tidak mempunyai suntikan dan kursus pengendali makanan serta tidak memakai apron," kata Dr. Rusdi.

Bagi 2022 pula tambah beliau, JKNM telah menjalankan pemeriksaan premis makanan

sebanyak 5,081 premis dengan 58 premis makanan diarahkan tutup dibawah Seksyen 11 Akta Makanan 1983.

Susulan itu katanya, JKNM telah mengeluarkan sebanyak 1,664 notis di bawah Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 dengan nilai kompaun RM211,650.

"JKNM akan tingkatkan pemantauan di semua premis-premis jualan di sekitar Melaka," jelasnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 24
RUANGAN : NASIONAL

Pakar saran ambil dos penggalak

Kes Covid-19 masih tinggi, masyarakat semakin lupa SOP

Oleh NURUL NABILA AHMAD HALIMY SHAH ALAM

Pakar kesihatan menyarankan orang ramai supaya sentiasa berwaspada dan tidak leka semasa cuti Tahun Baharu Cina susulan kes Covid-19 yang semakin meningkat setiap hari.

Pakar Kesihatan Persekitaran Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Madya Dr Haliza Abdul Rahman berkata, prosedur operasi standard (SOP) yang semakin dilupakan oleh masyarakat boleh menyebabkan kes meningkat dan mendatangkan bahaya kepada golongan yang berisiko tinggi.

"Tidak dinafikan, masyarakat semakin lupa SOP lebih-lebih lagi selepas kerajaan melonggarkannya. Tidak salah u-

tuk berkumpul bersama keluarga mahupun rakan-rakan, namun sekurang-kurangnya kita perlu mengamalkan pemakaian pelitup muka dan kerap mencuci tangan," katanya kepada *Sinar Premium* pada Khamis.

Haliza turut menyuruh orang ramai supaya mengambil dos penggalak untuk meningkatkan imuniti dalam badan.

"Ada antara mereka yang berhenti mengambil suntikan selepas vaksin kedua. Sekiranya kita berasa susah untuk mematuhi SOP seperti penjarakan fizikal semasa musim perayaan dan bercuti ke tempat awam, sekurang-kurangnya kita perlu mengambil dos penggalak untuk melindungi diri.

"Ini adalah masa yang tepat untuk kerajaan meningkatkan



HALIZA




SHARIFA EZAT

pengambilan dos penggalak dengan membuat promosi secara besar-besaran bagi memastikan imuniti masyarakat sentiasa kuat melawan pelbagai varian," ujarnya.

Kes Covid-19 dalam negara terus meningkat kepada 371 kes baharu pada Rabu berbanding 350 kes pada hari sebelumnya, menjadikan kes terkumpul sejak Mac 2020 berjumlah 4,995,033.

Empat kematian direkodkan dalam tempoh sama, menurut data Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di portal *KKMNOW*.

Dalam pada itu, Pakar Perubatan Kesihatan Masyarakat di Fakulti Perubatan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Dr Sharifa Ezat Wan Puteh meluahkan rasa bimbang dengan pelancong dari



Orang ramai disaran supaya sentiasa berwaspada dan tidak leka susulan kes Covid-19 yang semakin meningkat setiap hari.

China yang dibenarkan masuk ke negara ini tanpa perlu menjalani ujian saringan Covid-19.

"Apabila kerajaan tidak begitu ketat mengawal kehadiran pelancong China dan ada antara mereka yang menjadi pembawa, kes Covid-19 akan merebak dan semakin meningkat seperti sekarang ini.

"Varian baharu yang mereka bawa sudah ada di Malaysia dan dikatakan mudah berjangkit tetapi kurang bahaya. Walau

bagaimanapun, kes kematian di China semakin meningkat. Oleh itu, orang ramai dinasihatkan agar sentiasa berhati-hati dan jangan sesekali leka," ujarnya.

Sharifa Ezat berpandangan, sekiranya kes Covid-19 terus meningkat, ia akan memberi implikasi kepada beban kesihatan.

"Hospital dan klinik kerajaan akan sentiasa penuh dan timbulnya masalah seperti kemudahan katil yang tidak mencukupi," katanya.

Ubat PrEP perlu diberi kepada semua

SHAH ALAM - Pusat Kesihatan dan Dasar Sosial Galen membidas kenyataan yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri Selangor berkenaan larangan pemberian ubat PrEP (*Pre-Exposure prophylaxis*) kepada pasangan homoseksual.

Ketua Eksekutifnya, Azrul Mohd Khalib berkata, menyediakan akses terpilih bagi penggunaan ubat itu adalah amalan buruk dan tidak mempunyai asas dalam kesihatan awam.

Menurutnya, PrEP sepatutnya diberikan kepada mereka yang memerlukan termasuk golongan homoseksual.

Jelasnya, kunci dalam memastikan rawatan dapat berjalan dengan baik dan bilangan orang dijangkiti HIV dapat dikurangkan adalah tanpa sebarang diskriminasi.

"Nasihat Jabatan Mufti Selangor berhubung isu PrEP adalah maklumat yang salah dan berkemungkinan mengelirukan orang ramai mengenai isu ini.

"Kami telah belajar daripada pengalaman pahit dan tragis masa lalu iaitu kepercayaan, pertimbangan, sikap dan dogma sebegini selalunya membawa lebih banyak mudarat daripada kebaikan," katanya dalam kenyataan pada Jumaat.

Pada Khamis, Jabatan Mufti Negeri Selangor melarang pemberian ubat PrEP yang digunakan untuk mencegah jangkitan HIV kepada pasangan homoseksual.

Menurut jabatan itu, pengambilan atau pemberian ubat itu hanya diuruskan kepada pasangan suami isteri.

Jelas Azrul, adalah lebih baik untuk memberikan kepada semua golongan dan tidak menghalang sesiapa daripada mendapat bantuan dan rawatan yang diperlukan.

Azrul turut mengesyorkan agar Jabatan Mufti Selangor mengkaji semula pendirian mereka mengenai isu tersebut dan berunding dengan pakar penyakit berjangkit serta kesihatan awam Malaysia untuk meningkatkan pemahaman.



AZRUL

Dilarang beri ubat PrEP kepada pasangan homoseksual

SHAH ALAM - Jabatan Mufti Negeri Selangor melarang pemberian ubat PrEP (*Pre-Exposure prophylaxis*) yang digunakan untuk mencegah jangkitan HIV kepada pasangan homoseksual.

Menurut jabatan itu, pengambilan atau pemberian ubat itu hanya diuruskan kepada pasangan suami isteri.


"Iaitu dalam keadaan salah seorang daripada mereka telah dijangkiti HIV sewaktu melakukan hubungan suami isteri.

"Pemberian kepada mereka yang diketahui mengamalkan cara hidup homoseksual adalah dilarang kerana dianggap bersubhat dalam perkara dosa dan kemaksiatan," katanya menerusi ruangan soal jawab agama di portal Jabatan Mufti Negeri Selangor pada Khamis.

Kupasan berhubung isu pemberian PrEP terhadap golongan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) pernah disiarkan oleh *Sinar Harian* menerusi program Di Sebalik Isu bersama FY yang bertajuk *PrEP Buat Komuniti Songsang Lega @ Bencana?* pada 16 Disember tahun lalu.

Isu itu hangat dibincangkan oleh empat panelis antaranya, Timbalan Dekan Fakulti Pengajian Quran Sunnah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Profesor Madya Dr Ahmad Sanusi Azmi serta Profesor dan Pakar Perunding Perubatan Keluarga Universiti Teknologi Mara (UITM), Profesor Dr Anis Safura Ramli.

Hadir sama, Pengerusi Yayasan AIDS Malaysia (MAF), Profesor Datuk Dr Adeeba Kamarulzaman dan Gender Dysphoria Flagship Leader, Kuliah Perubatan Universiti Islam Antarabangsa, Profesor Dr Samsul Draman, manakala Finaz Yunus ber-



Jabatan Mufti Negeri Selangor melarang pemberian ubat PrEP kepada pasangan homoseksual.

tindak sebagai moderator.

Sebelum ini, Ahmad Sanusi dilaporkan berkata, pemberian ubat PrEP secara percuma kepada komuniti LGBT akan menjauhkan mereka daripada larangan Islam khususnya terhadap perbuatan songsang itu.

Dalam masa sama, Finaz menerusi hantaran di Instagramnya turut berharap agar lebih banyak Jabatan Mufti Negeri lain tampil bagi memberi panduan kepada rakyat Malaysia berhubung perkara tersebut.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : DALAM NEGERI

Jangka hayat vaksin Comirnaty dilanjutkan 18 bulan

PUTRAJAYA: Jangka hayat vaksin Covid-19 iaitu *Comirnaty Concentrate for Dispersion for Injection* daripada 15 kepada 18 bulan.

Kementerian Kesihatan dalam kenyataan memaklumkan, Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) meluluskan permohonan variasi daripada syarikat Pfizer (Malaysia) Sdn. Bhd. itu berdasarkan data stabiliti terkini yang dikemukakan oleh pihak pengilang.

Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan, Norhaliza A Halim berkata, jangka hayat baharu bagi vaksin MAL21016022AZ yang dikilangkan di Pfizer Manufacturing Belgium NV, Belgium dan *Comirnaty Concentrate for Dispersion for Injection* (MAL21036039ASZ) adalah daripada 15 kepada 18 bulan bagi vial vaksin yang disimpan pada suhu -90°C sehingga -60°C.

"Kelulusan pelanjutan jangka hayat ini adalah secara retrospektif, bermaksud kelulusan ini juga terpakai kepada semua stok termasuk semua stok yang diterima sebelum variasi pelanjutan tempoh jangka hayat ini diluluskan," katanya hari ini.

Jelasnya, tarikh luput pada label vaksin mungkin menunjukkan produk berkenaan sudah luput, tetapi semakan tarikh luput terkini (selepas pelanjutan jangka hayat) boleh disemak melalui laman sesawang NPRA (<https://npa.gov.my/index.php/en/consumers/information/vaccine-covid-19-update.html>).

Katanya, KKM sentiasa komited untuk memastikan semua produk farmaseutikal termasuk vaksin Covid-19 yang dibekalkan di Malaysia dinilai dari aspek kualiti, keselamatan dan keberkesanan oleh NPRA.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION

Beware the false negatives

If you have symptoms, stay home this CNY, say experts

By **FATIMAH ZAINAL**
fatimah@thestar.com.my

PETALING JAYA: Never mind if the test kit says you don't have Covid-19. If you have symptoms, just stay home and avoid contact with others this Chinese New Year.

That is the message from health experts, who say new variants can evade antibodies and may not be easily identified by tests. Incubation time also plays a role in virus detection.

Those with symptoms must mask up and refrain from going to crowded places even if they test negative, says the Medical Practitioners Coalition Association of Malaysia (MPCAM).

They should also avoid family

gatherings and the annual reunion dinners just to be on the safe side, said MPCAM president Dr Raj Kumar Maharajah.

"False negatives are present in every test. The best protection is still to wear masks, practise physical distancing, avoid crowded places, and maintain hygiene," he said.

Public health expert Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh of Universiti Kebangsaan Malaysia said false negative Covid-19 results can occur for many reasons, and it was best to retest after a few days.

"The new variants have developed mutations. They may evade previous antibodies and may not be easily recognised by tests," she said.

The Rapid Test Kit Antigen (RTK-Ag) used for self-tests also has a

lower accuracy, estimated at 75%, compared to the gold standard Polymerase Chain Reaction (PCR) test, which has a 95% accuracy, she said.

"PCR detects nucleic acid, but RTK detects antigen only, and you may or may not be infected.

"Incubation time also plays a role in virus detection.

"If the test is done too early, the virus may not be detected," she said.

Prof Sharifa Ezat also cited a 2022 study in the *British Medical Journal*, which mentioned that the overall median incubation time of the Delta variant is almost three days, with 95% testing accuracy only after about eight days.

The incubation times found in

this study for Covid-19 were shorter than those observed with the earlier variants.

"So if you test too soon, your body may not develop enough viral load to test positive.

"It is best to retest if negative. Retest within 48 hours after the first test, and you may repeat the test if symptoms persist or you can test using the PCR method," she said.

Universiti Malaya professor of epidemiology and public health Prof Dr Sanjay Rampal said those who have come in contact with a positive case during the infectious period should self-monitor for symptoms and seek care immediately if symptomatic.

"When asymptomatic, wear a mask," he said.

Daily Covid-19 cases remain below 500

PUTRAJAYA: Malaysia's daily Covid-19 cases have remained below 500 since China reopened its borders earlier this month, said Health Minister Dr Zaliha Mustafa.

She said the country received a total of 28,705 travellers from China between Jan 8 and 17.

So far, only one was detected to have a fever during screening, Dr Zaliha added in a statement yesterday.

"The traveller's RTK-Ag test result, however, came out negative.

"No traveller from China tested positive for Covid-19 at Malaysia's international entry points so far," she said in a Bernama report.

Meanwhile, Dr Zaliha said there has been an increasing trend in the uptake of the second booster dose at health facilities across the nation over the past two weeks.

On Jan 1, the total number of first booster administered increased from 16,279,746 doses (49.8%) to 16,292,524 doses (49.9%) while the second booster rose to 2.2% (or 733,668 doses) from 1.9% or 633,941 doses previously.

Dr Zaliha said the ministry would continue to monitor the development of infection in the country and abroad through information acquired from the World Health Organisation (WHO) as well as cooperation with other Asean countries and China.

"The ministry will always ensure that prevention and control measures are implemented continuously," she added.

Dr Zaliha said the country has been recording three-digit daily Covid-19 cases since Dec 17, last year.

An error that puts a whole family at risk

By **JUNAID IBRAHIM**
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: Anne, 26, had fever, cough and a sore throat. She quickly grabbed a Covid-19 self-test kit and was relieved when it came out negative.

She went about her daily routine and just four days later, her family members started showing the same symptoms.

Anne decided to test herself again - this time, she tested positive for Covid-19.

Now, the content writer regrets not being more careful. She said she could be the one who had spread the virus to her family as she was the only one who was sick in the first place.

With the Chinese New Year

around the corner, Malaysians need to do the Covid-19 self test correctly to avoid false negatives.

"I made a mistake by having a drink before I tested myself. The first time I did it, it was negative.

"On the fourth day after developing the symptoms, I noticed my family members started to get sick and they tested positive," said Anne, who is from Petaling Jaya.

"I hope everyone else is careful when they do the self-test because you could put your family at risk, especially during this festive season," she said.

Covid-19 antigen rapid test kits (RTK) require users not to eat or drink anything other than water, or smoke before doing the test to get higher accuracy.

Digital marketing executive Nur

Hidayatul Husna, 27, from Perak recounted her experience of getting false negatives last year when she was four months pregnant.

She was initially confused whether the symptoms she was experiencing was due to her pregnancy but still decided to test herself.

"I did the test once after reaching home from work and it was negative.

"But the symptoms only got worse. I repeated it for a third time and then I saw a double line.

"I was so worried because I was pregnant at the time. Thankfully, I could get in touch with my doctor who monitored me throughout the period," said Nur Hidayatul, who quarantined herself following the positive test result.

Nur Hidayatul said she was glad

none of her family members were infected after her first false negative.

She reminded the public celebrating Chinese New Year to get tested before meeting their relatives for their reunion dinner.

"If you start developing symptoms, please keep yourself away from the others," she said.

The Chinese community will be celebrating the Year of the Rabbit tomorrow, with reunion dinners tonight.

According to the Health Ministry's Covid-19 dashboard, KKMNOW, there were 10,377 active cases as of Friday.

The data also showed that 96% of the people infected have been in self-isolation at home while 3.8% have been hospitalised.